

# Isu ekonomi fokus pertama **IMT-GT**

Daripada Shamsul Azree Samshir di Haatyai

BH 29 FEB 2000

PERBINCANGAN mengenai kedudukan ekonomi tiga negara gugusan Segitiga Pembangunan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-CT) menjadi antara agenda pembuka tirai Mesyuarat Majlis Perniagaan IMT-GT Ke-7 di Hat Yai, Songkhla yang bermula hari ini.

Sesi perbincangan itu dijangka menarik berikutan minat peserta untuk mendapatkan gambaran lebih jelas berhubung kedudukan ekonomi setiap anggota IMT-GT, lebih-lebih lagi pertama kali bertemu selepas menempuh kemelut ekonomi tiga tahun lalu.

Dalam perbincangan itu, Malaysia akan diwakili oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Ekonomi Wilayah, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Leong Yee Hiem yang dijangka membentangkan laporan kedudukan ekonomi negara dalam era pasca kegawatan.

Peserta termasuk pelabur dari Indonesia dan Thailand dijangka mendapat manfaat dari pembentangan itu terutama dalam meninjau peluang perniagaan serta faedah yang boleh diraih jika mereka menanam modal di Malaysia.

Thailand pula akan diwakili Penganalisis Polisi dan Pelan Enam, Pejabat Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Sosial (NESDB), Pat-tama Teanravisitsagool. Bagaimanapun, sehingga petang ini urusetia mesyuarat masih belum dapat mengesahkan wakil dari Indonesia yang akan membentangkan laporan kedudukan eko-

nomi negara itu.

Agenda pertama menyaksikan perasmian Mesyuarat Majlis Perniagaan IMT-GT yang akan disempumakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Thailand, Dr Savit Bhotiwihok yang dijangka menyampaikan ucapan dasar.

Turut menyampaikan amanat, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Dalam Negeri yang juga Ketua Pengarah, Pusat Pentadbiran Sem-padan Wilayah Selatan (SBPAC), Datuk Pala-korn Suwanrath.

Ketua delegasi dari tiga negara IMT-GT juga akan turut berucap. Malaysia akan diwakili Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Mela-yu Malaysia (DPMM), Datuk Abdul Rahman Maidin yang juga Presiden Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

Manakala Indonesia akan diwakili Henry Hutabarat dan Boonchuay Changsirivathana-hamrog akan mewakili Thailand.

Selesai Sesi Perniagaan Satu, bengkel mengenai enam sektor ekonomi iaitu infrastruktur; pembangunan sumber manusia; pelancongan; perdagangan, industri dan pelaburan; pertanian dan perikanan serta perkhidmatan akan diada-kan. Manakala Sesi Perniagaan Dua dijangka menjadi acara kemuncak mesyuarat. Dalam sesi itu, laporan bengkel merangkumi enam sektor ekonomi akan dibentang selain perbincangan

mengenai isu yang bakal dibentang dalam mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) dan menteri.

Dalam sesi itu, setiap laporan perbincangan dan rumusan akan diterima pakai.

Bagi mesyuarat peringkat SOM dan menteri, sesi itu akan diadakan di sebuah pusat perangan di bandar Songkhla, kira-kira 25 kilometer dari Hat Nyai.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin yang juga Menteri Penyelaras IMT-GT dijangka menghadiri mesyuarat peringkat menteri, Ju-maat ini. Beberapa Menteri Besar dari negeri utara Semenanjung juga dijangka hadir.

Sementara itu, Presiden DPPM Perak, Mohd Datuk Hamdan Hazizi, ketika ditemui berkata usahawan wajar merebut peluang hadir dalam mesyuarat IMT-GT bagi meneroka peluang pelaburan.

“Seorang ahli DPPM Perak misalnya ada di sini bagi meneroka peluang pasaran barangan berasaskan sos dan kicap serta mendapatkan pembekal botol bagi kegiatannya. Usaha usahawan terbabit perlu dicontohi oleh peniaga lain jika mahu meningkatkan kegiatan masing-masing,” katanya.

Beliau berkata, IMT-GT berkembang pesat memasuki era baru dengan pelbagai insentif dan kelebihan yang boleh dinikmati pesertanya ketika rantau ini bergerak ke arah pemulihan.